

14/08/2000

Harapan besar daripada lawatan Kuan Yew

MENTERI Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, memulakan lawatan empat hari ke negara ini mulai hari ini. Kembali menjejakkan kaki di Malaysia selepas 10 tahun - kunjungan terakhir beliau ialah pada November 1990 sebelum beliau melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri - sudah tentu banyak perkara yang akan dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam isu yang membabitkan kepentingan kedua-dua negara. Antaranya, kurangnya kemajuan dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura, khususnya berkaitan soal penjualan air ke republik itu, penempatan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin, kedudukan tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Tanjung Pagar, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenar mengeluarkan simpanan mereka dari Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) setelah berhenti bekerja di Singapura.

Meskipun Lee menyatakan tidak lagi terbabit dalam menyelesaikan isu tertentu dengan Malaysia selain kunjungannya kali ini juga hanya dapat direalisasikan selepas mendapat restu Perdana Menteri Goh Chok Tong, beliau masih kekal sebagai negarawan berpengaruh. Kesudiannya untuk membantu memudahkan penyelesaian sesuatu isu yang membabitkan kedua-dua negara, harus amat dialu-alukan. Sebagaimana dengan negara jiran yang lain, hubungan Malaysia dan Singapura tidak dinafikan amat penting dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Dalam pada itu, adakala wujud perasaan saling mencurigai hingga ada langkah atau tindakan tertentu mereka yang menimbulkan semacam teka-teki dan kesangsian.

Contoh ketara ialah Singapura banyak berbelanja untuk pertahanan, iaitu hingga enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya, menjangkau AS\$4.8 bilion pada 1998 berbanding Malaysia (AS\$1.5 bilion), Thailand (AS\$2.1 bilion) dan Indonesia (AS\$5 bilion). Perbelanjaan sebesar itu tentunya menimbulkan pertanyaan siapa yang ditakutkan dan siapa yang dimusuhi republik itu. Di sebalik penjelasan Lee bahawa Singapura tidak berhajat hendak mengancam atau berperang dengan sesiapa, republik itu harus akur bahawa adalah lebih baik untuknya mewujudkan hubungan akrab dengan jirannya sebagai suatu usaha menjamin kedaulatannya sebagaimana diakui sendiri oleh Lee dalam temuramahnya dengan Berita Harian dan The New Straits Times minggu lalu.

Sama ada disukai atau tidak, hakikatnya tidak akan berubah bahawa Singapura dikelilingi negara rumpun Melayu. Satu-satunya pilihan buat republik itu ialah mengekalkan hubungan harmoni dengan jirannya tanpa terlalu mendabik dada. Ke arah itu, Singapura harus mengikis sifat 'kiasu' di kalangan sebilangan walaupun bukan majoriti rakyatnya. Tiada siapa yang akan gemar dengan anggapan konon hanya mereka yang terbaik di samping kesombongan konon mereka sudah terlalu jauh meninggalkan yang lain. Kepercayaan seperti inilah yang membuat tindakan Singapura - sama ada secara langsung atau sebaliknya - dilihat sebagai memperkecil atau mempersendakan jirannya. Maka, timbullah kesangsian, rasa tidak selesa dan kurang senang terhadap mereka.

Pada zaman serba kemajuan ini juga, generasi muda Singapura, jika diberi pilihan, dikatakan lebih suka menjadi seperti orang putih atau orang Jepun yang lazimnya dikaitkan dengan kekayaan. Ini bukanlah sama sekali menghairankan kerana buku sejarah mereka sendiri cuba mengetepikan hakikat bahawa Singapura asalnya adalah sebahagian daripada Empayar Johor-Riau. Dalam hubungan ini, generasi muda Singapura disogok dengan kepercayaan

bahawa sejarah negara itu bermula dengan kedatangan Stamford Raffles sambil cuba menidakkan kewujudan Temasek serta lingkaran sejarahnya. Generasi muda Singapura hendaklah diberi pemahaman yang jelas kerana 'kekeliruan' itu juga menimbulkan kebimbangan terhadap hubungan Cina-Melayu di Singapura hingga timbul tanggapan bahawa Melayu Singapura dipinggirkan. Dari sudut mana pun ia dilihat, Singapura adalah sebahagian daripada rantau ini. Generasi yang seangkatan dengan Lee mungkin mempunyai pandangan berbeza tetapi generasi muda Singapura harus tahu bahawa nasib dan ketentuan republik itu juga adalah dalam lingkaran rantau ini. Sambil perbincangan Lee dan Dr Mahathir dijangka dapat meleraikan banyak isu, kita juga berharap kunjungan beliau kali ini dapat menyingkap lembaran baru dalam mempereratkan hubungan kedua-dua negara selain meningkatkan kemajuan dan kestabilan di rantau ini amnya.

(END)